

31 mangsa banjir di Ledang dipindahkan

LEDANG – Seramai 31 mangsa banjir melibatkan enam keluarga dari Kampung Seberang Gajah, Tangkak, dekat sini dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Sialang berikutan kampung mereka dinaiki air setinggi 0.4 meter sejak Sabtu lalu.

Pegawai Daerah Ledang, Ab. Han Ramin berkata, lima keluarga yang membabitkan 23 mangsa banjir dipindahkan ke pusat pemindahan kira-kira pukul 12 tengah hari kelmarin manakala lapan mangsa banjir dipindahkan pukul 8 pagi semalam.

“Kesemua mangsa banjir dipindahkan dengan bantuan Majlis Daerah Tangkak selepas rumah mereka dinaiki air berikutan hujan lebat selama tiga hari menyebabkan air dari Sungai Cohong melimpah ke kampung terbitabiti,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, mangsa banjir, Rosni Markam, 46, berkata, berpindah dan tinggal di pusat pemindahan banjir kini menjadi perkara biasa kepadanya sekeluarga kerana sudah empat kali ditempatkan di situ selepas mengalami kejadian sama pada tahun 2006, 2008, 2010 dan tahun ini.

“Kali ini saya lebih bersedia dengan membuat persiapan awal meletakkan barangan elektrik dan barangan berharga di tempat yang tinggi serta selamat. Bagaimanapun saya bersyukur kerana banjir kali ini tidak seburuk pada 2006 apabila hampir keseluruhan rumah tenggelam,” katanya.

Sementara itu di **Perak**, mangsa banjir di daerah Hilir Perak mening-

kat daripada 256 orang yang dipindahkan sejak Sabtu lepas kepada 265 orang semalam.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Goh Kok Liang berkata, limpahan air Sungai Bidor menyebabkan paras air di beberapa kampung masih bertahan antara 0.5 meter hingga 1 meter.

Di **Melaka**, Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 115 orang berbanding 104 orang kelmarin yang melibatkan dua daerah iaitu Jasin dan Melaka Tengah.

Di **Selangor**, Ketua Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cyberjaya, Izman Adnan berkata, sehingga pukul 11 pagi semalam 1,126 mangsa banjir daripada 255 keluarga di sekitar Dengkil telah dipindahkan.

INFO Banjir

Mangsa	Negeri	Pusat Pemindahan
1,988	Johor	17
203	Perak	2
1,947	Selangor	8
107	Melaka	2

* Sehingga pukul 9 malam tadi

Talian Kecemasan Banjir

Melaka - 06-333 3333

Perak - 05-240 1999

Johor - 07-290 8010

Selangor - 03-5521 8792